

Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza

Transliterasi oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

"I am leaving today because I believe that in our current course with regards to the continued-indeed, expanded and expedited-provision of lethal arms to Israel – I have reached the end of that bargain.."
- *Josh Paul -*

Bagi Josh Paul, beliau menceburi bidang sekuriti antarabangsa apabila berlakunya peristiwa 11-September seperti kebanyakan warga Amerika lain, terutamanya selepas penjajahan Amerika ke atas Iraq di mana pada ketika itu beliau merupakan anak muda yang bekerja di Washington. Beliau ketika itu mahu menceburi bidang yang baharu dan yang lebih menyeronokkan. Beliau akhirnya berjaya mendapat kerja di *Coalition Provisional Authority* di Baghdad. Beliau tidak ke sana sebagai seorang idolog tetapi ia adalah pengalaman pembelajaran yang sangat mendasar. Beliau berkhidmat bersama Tentera Sekuriti Iraq dan melihat sendiri bagaimana polisi luar Amerika Syarikat dilaksanakan di lapangan. Beliau melihat keduanya, perkara yang baik, juga perkara yang sangat buruk. Selepas pengalaman itu, beliau sangat fokus dalam mengintegrasikan hak asasi manusia ke dalam kerja-kerjanya di dalam dan di luar kerajaan Amerika Syarikat.

Beliau meletakkan jawatan atas beberapa sebab, pertamanya adalah dari sebab yang bersifat kuantitatif. Keganasan yang sedang meletus di Gaza antara Israel dan Hamas kali ini adalah dalam skala yang secara fundamentalnya tidak pernah kita lihat sebelum ini. Untuk berlaku jelas, Hamas bertanggungjawab atas serangannya kepada penduduk awam Israel menurut Josh Paul. Tetapi serangan Israel juga kita lihat skalanya sangat berbeza dari serangan sebelum ini. Terdapat juga sebab yang bersifat kualitatif. Josh berkata beliau pernah terlibat dalam banyak kes yang sangat mencabar dan kompleks secara moral yang melibatkan penghantaran senjata kepada entiti asing. Perbezaannya, sebelum ini terdapat ruang untuk berhujah, berdiskusi, perlengahan, mitigasi, dan jika didapati bahawa ia tidak akan membawa kepada natijah yang dimahukan, kita sekurang-kurangnya boleh untuk menyerahkan kes tersebut ke kongres menurut Josh Paul, kerana penjualan senjata besar-besaran perlu dilakukan dengan notifikasi kepada kongres, di mana akan berlaku hujah dan diskusi yang lebih panjang, juga usaha untuk membatalkan jualan tersebut. Pada kes kali ini, perdebatan seperti ini tidak wujud, yang ada hanyalah usaha tergopoh-gapah untuk menghantar senjata ke tempat konflik di mana

orang awam dibunuh beramai-ramai. Perkara ini tidak difahami oleh Josh, dan beliau tidak dapat menghentikannya. Disebabkan tidak ada ruang untuk perdebatan dalam pentadbiran dan di kongres, Josh merasakan perkara ini perlu diketengahkan ke mata rakyat awam.

Terdapat undang-undang asas akan perkara ini iaitu *Arms Export Control Act of 1976* dan juga *Foreign Assistance Act of 1968*, undang-undang ini memberikan asas bagaimana dan bila senjata boleh dihantar ke luar. Didalamnya terkandung peraturan di mana senjata hanya boleh dihantar untuk tujuan tertentu seperti pertahanan dan operasi bersama. Pertahanan ini hendaklah mempunyai legitimasi, dan senjata yang dibekalkan hendaklah hanya digunakan untuk tujuan yang telah dipersetujui. Menurut Josh Paul, semua orang bersetuju bahawa pencabulan hak asasi manusia dan pembunuhan orang awam beramai-ramai bukanlah sebab yang membolehkan senjata Amerika Syarikat dibekalkan.

Di samping undang-undang, setiap pentadbiran sejak dari pentadbiran Reagan telah mengeluarkan satu polisi yang dinamakan sebagai *Conventional Arms Transfer Policy*, polisi ini telah membentuk pemikiran dan analisis bagi setiap kes, ia dibincangkan *case-by-case basis*. Polisi Biden harus dipuji kerana ia mengangkat lagi polisi ini dengan memasukkan frasa *"more likely than not"*, ini merupakan satu standard di mana pembekalan senjata tidak akan diluluskan jika senjata yang dibekalkan kemungkinan besar akan digunakan dalam mencabul hak asasi manusia. Bagi Josh, apa yang dilakukan Israel sangat jelas, terutamanya senjata yang dibekalkan seperti *precision guided munitions* akan digunakan di Gaza untuk mencabul hak asasi manusia. Malah, Josh Paul yakin inilah yang sedang dilakukan oleh Israel yang menyebabkan pembunuhan ramai rakyat awam.

Setiap negara di mana Amerika Syarikat memberikan bantuan kepada sesebuah unit, unit tersebut akan dikaji sebelum diberikan bantuan ketenteraan. Dalam kes Israel, Amerika Syarikat memberi bantuan dahulu, kemudian barulah meneliti laporan pencabulan hak asasi manusia. Jika laporan itu ada, ia akan dibawa ke dalam proses polisi State Department dan konsultasi akan dilakukan dengan Israel, di mana mereka memberikan laporan versi mereka, kemudian ditentukan sama ada pencabulan hak asasi manusia telah dilakukan atau tidak. Sehingga hari ini, melalui proses yang dinamakan sebagai *Israel Leahy Vetting Process*, tidak ada satu keputusan pun yang dibuat bahawa Israel telah melanggar hak asasi manusia. Ini sangat bermasalah apabila kita melihat kepada, bukan sahaja Gaza, tetapi di Tebing Barat di mana terdapat begitu banyak laporan pembunuhan tanpa pengadilan, dan pelbagai jenis pencabulan yang dilakukan oleh tentera Israel.

Bagi Josh Paul, pendatang haram Yahudi yang menyerang orang Palestin dan menggunakan keganasan bagi kepentingan politik mereka, mereka adalah teroris menurut definisi teroris itu sendiri. Apa yang berlaku sekarang adalah keengganan mengkritik Israel, ini adalah kes yang unik dan istimewa, terdapat banyak sebab dalam hal ini, ada diantaranya yang mempunyai legitimasi. Tetapi akhirnya, jika tiada satu standard internasional, maka sebenarnya Amerika Syarikat tidak mempunyai standard.

Kebanyakan undang-undang ini memerlukan State Department untuk membuat keputusan sebelum sebarang sekatan atau penarikan bantuan dilakukan. Jika mereka tidak pernah membuat keputusan, maka secara teknikalnya, mereka tidak pernah mengingkari undang-undang. Josh Paul merasakan standard undang-undang dalam hal ini sangat lemah, sepatutnya standard yang lebih tinggi diperlukan. Dalam permasalahan ini, ia juga melibatkan tafsiran kepada undang-undang.

Polisi tentang Israel pada masa ini dibuat melalui pihak atasan, ini bukanlah sesuatu yang tipikal kerana kebanyakan senjata yang dijual biasanya bermula dari bawah, bermula dengan satu permohonan dari

syarikat, tetapi dalam kes Israel, keputusan sudah dibuat dari awal, jadi tiada proses di bawah yang dapat dilakukan. Keputusan ini terletak di tangan presiden dan dia bertanggungjawab. Bagi Josh Paul, bantuan kewangan berbillion dollar kepada Ukraine, Israel, dan Taiwan memerlukan diskusi terutamanya ketika isu ini sedang mendapat perhatian. Ia perlu dibincangkan sebelum perhatian umum itu berubah.

Josh Paul merasakan bahawa setelah berlangsung beberapa minggu, ada perubahan yang telah berlaku dalam pentadbiran Amerika Syarikat, mereka mula memperkatakan perihal rakyat Palestin yang dibunuh, namun dari segi tindakan kita masih melihat berbillion diperuntukkan bagi membekalkan senjata dan hanya beberapa ratus juta untuk bantuan bagi rakyat yang menjadi magsa perang, Josh sangat skeptikal perubahan akan berlaku dalam masa terdekat. Perubahan kelihatan hanaya akan berlaku dalam jangka masa panjang.

Perang sememangnya mempunyai peraturan walaupun ia kadang kala tidak dapat dikuatkuasakan. Amerika Syarikat sejak sekian lama telah menghalang warga Palestin untuk mendapatkan keadilan dari Mahkamah Antarabangsa. Akhirnya, kita bukan membicarakan soal sama ada Israel adalah benar atau salah, apa yang hendak kita ketengahkan adalah hak manusia biasa sama ada dia adalah seorang warga Palestin atau Israel. Untuk mereka hidup dalam keadaan aman, mempunyai tempat tinggal yang selamat, mereka harus selamat dari serangan roket dan juga dari serangan jet F-16. Josh Paul berharap agar pentadbiran Amerika Syarikat akan melihat pada sejarah polisi negara, sama ada yang positif atau tidak, dan mendesak Israel dan semua pihak kepada solusi yang lebih adil agar semua orang dapat hidup dengan aman. Semua manusia mahu hidup dengan selamat bersama keluarga mereka.

Bagi Josh Paul, solusi kepada masalah ini dapat dilihat dari dua sudut. Pertama dalam soal pemberian senjata, standard yang sama perlulah dikuatkuasakan dalam proses meluluskan penghantaran, perlu ada ruang diskusi dan perdebatan. Kedua, untuk menyelesaikan masalah ini kita memerlukan pendekatan baru yang radikal tentang bagaimana untuk mencapai keamanan di Timur Tengah, hari ini kita melihat polisi sedia ada telah gagal. Solusi dua negara (*two states solution*) tidak lagi dapat dilakukan. Dengan peningkatan penempatan haram oleh Israel dan juga pembinaan jaringan pengangkutan untuk menyokongnya, solusi seperti Perjanjian Oslo tidak lagi dapat dilaksanakan. Untuk meruntuhkan semua penempatan ini adalah tidak praktikal melihat kepada jenis kerajaan Israel pada hari ini. Jadi, apakah solusi yang tinggal? Jika kita belajar dari sejarah beberapa dekad yang lalu, polisi yang dilaksanakan adalah "dengan sekuriti keamanan dapat dicapai". Tetapi kita melihat, semakin Israel selesa dengan sekuriti yang mereka ada, mereka meluaskan lagi penempatan haram mereka, mereka juga terus mencabul hak sivil orang Palestin di Tebing Barat, dan meneruskan sekatan di Gaza. Oleh itu perlu ada perubahan fikir, mungkin solusinya adalah "keamanan untuk sekuriti" bukan sebaliknya.

Setiap orang mahukan keamanan, termasuk mereka yang duduk di hujung bahagian yang ekstrem di kedua-dua belah pihak. Untuk berunding kita memerlukan kepercayaan dan kepimpinan. Kedua-dua pihak tidak mempunyai perkara ini pada masa kini. Amerika sekarang sedang menghadapi cabaran untuk menguasai dunia, terdapat kuasa lain yang mencabarnya dari Amerika Latin hingga ke Timur Tengah, senjata paling kuat yang dipunyai Amerika Syarikat adalah nilainya, inilah yang membezakannya dari kuasa authoritarian lain di dunia termasuklah kuasa-kuasa yang sedang mencabarnya sekarang.

Namun Amerika Syarikat tidak mengaplikasikan nilainya dengan saksama, sebaliknya bersikap hipokrit. Amerika Syarikat menentang penjajahan di Ukraine tetapi menyokong penjajahan Israel di Palestin. Amerika kononnya mahu melindungi penduduk awam, tetapi membutakan matanya malah membantu pembunuhan rakyat awam di tempat lain. Ini sebenarnya merosakkan nilai Amerika Syarikat dan ia tidak dapat dibaiki lagi. Nilai ini sepatutnya dikongsi dengan dunia bagi membantu membina dunia yang lebih baik.

Josh Paul menceritakan pengalaman beliau hidup bersama komuniti di Iraq dan Ramallah di mana beliau mula mendengar perspektif yang berbeza. Beliau terdedah dengan budaya lain, apabila beliau melihat bagaimana kehidupan warga Palestin diperlakukan dengan begitu buruk sekali, ini membuatkan beliau faham akan perspektif lain yang berbeza. Amerika Syarikat mempunyai kuasa yang besar di dalam dunia, mereka mempunyai pengaruh dan kedudukan, ini sebenarnya datang dengan tanggungjawab. Apabila bekerja dengan kerajaan Amerika Syarikat, kita akan menyelesaikan masalah yang tidak diselesaikan oleh kerajaan lain, kerana kita terlibat dalam banyak persoalan yang kompleks ini.

Untuk melihat dunia yang lebih aman, setiap rakyat boleh melakukan sesuatu. Mereka boleh menghubungi ahli kongres dan senat, panggilan-panggilan ini akan mempengaruhi mereka, kerana ahli politik sentiasa ingin mengetahui perihal siapa pengundi mereka. Kedua, mereka boleh menghubungi media-media lokal, pastikan mereka mendapat cerita dari perspektif yang ingin kita sampaikan. Ketiga adalah keperluan untuk merancang dan bekerja dalam organisasi untuk memperjuangkan isu ini. Bagi Josh, inilah yang dia sarankan untuk rakyat Amerika Syarikat yang perihatin. Mereka yang bekerja dalam kerajaan mestilah menggunakan peluang yang ada untuk melakukan perkara yang baik.

Transliterasi ini merupakan terjemahan tidak literal kepada temu ramah bersama Josh Paul dalam program *The Laura Flanders Show* yang diterbitkan pada 29 Oktober 2023. Rakaman temu bual ini boleh diakses di pautan: https://www.youtube.com/watch?v=MTdW2o6TRgI

Josh Paul merupakan seorang direktor di State Department yang telah berkhidmat selama 11 tahun di Bureau of Political-Military Affairs yang merupakan entiti kerajaan Amerika Syarikat yang menghantar bantuan persenjataan kepada rakan dan sekutunya.